



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA COVID-19 DI MALAYSIA

MINGGU EPIDEMIOLOGI 20/52 (12 MEI – 18 MEI 2024)

Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memantau situasi COVID-19 di Malaysia dan di peringkat global. Susulan kejadian gelombang terbaru di Singapura iaitu peningkatan dua kali ganda kes COVID-19 pada minggu bertarikh daripada 5 hingga 11 Mei 2024 berbanding minggu sebelumnya, KKM telah meningkatkan langkah kesiapsiagaan bagi menghadapi kemungkinan peningkatan kes di Malaysia.

Pada ME 20/2024 (12 Mei hingga 18 Mei 2024) sebanyak 1,230 kes COVID-19 dilaporkan, peningkatan sebanyak 14.8% berbanding ME 19/2024. Tiada kes kematian COVID-19 dilaporkan sejak 25 April 2024 sehingga kini. Jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke fasiliti kesihatan pada ME 20/2024 berbanding ME 19/2024 iaitu pengisian katil bukan kritikal sedikit meningkat tetapi tidak membebankan kapasiti hospital iaitu daripada 0.08% kepada 0.10% manakala pengisian katil Unit Rawatan Rapi (ICU), menurun daripada 0.17% kepada 0.04%.

Sehingga kini, varian yang sedang menular di Malaysia masih lagi varian Omicron dan subvariannya. Terdapat satu (1) kes K.P.2.1 dan satu (1) kes KP.1.1 telah dilaporkan sejak Mac 2024. Kedua-dua varian KP.2.1 dan KP.1.1 adalah sebahagian daripada keluarga Omicron. Secara khususnya, mereka adalah *sublineage* daripada JN.1.11.1. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) telah menyenaraikan KP.2 sebagai *Currently Circulating Variant Under Monitoring* (VUM) pada 3 Mei 2024. Namun, kemasukan varian ini tidak menyebabkan jangkitan yang teruk kepada individu yang dijangkiti.

Virus COVID-19 akan terus berada bersama kita dan kita perlu berwaspada menghadapinya. Orang ramai dinasihatkan untuk memperkasakan diri bagi menjaga kesihatan masing-masing serta mencegah daripada mendapat jangkitan atau menularkan kepada orang lain susulan perjumpaan dengan orang ramai di tempat tertutup dan sesak. Langkah-langkah pencegahan dan kawalan yang perlu diamalkan untuk “hidup bersama COVID-19” dengan selamat adalah:

- i. Kerap mencuci tangan dengan pensanitasi;
- ii. Memakai pelitup muka terutamanya bagi yang berisiko tinggi mendapat jangkitan, atau individu yang bergejala, atau apabila berada di tempat tertutup atau sesak; dan
- iii. Golongan berisiko tinggi mendapat jangkitan COVID-19 (seperti umur 60 tahun dan ke atas dan masalah perubatan), disarankan untuk mengambil dos tambahan vaksin COVID-19 dengan sela masa 6 hingga 12 bulan daripada dos terakhir penerimaan vaksin COVID-19.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

19 MEI 2024